

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT YANG
KETIGA BELAS, PENGGAL KETIGA, MESYUARAT KETIGA**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : TUAN R. SIVARASA
[SUBANG]
TARIKH : 22 OKTOBER 2015 (KHAMIS)
SOALAN :

TUAN R. SIVARASA [SUBANG] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan sebab pihak FELDA membantah dan menghalang pengeluaran lesen menjual kelapa sawit oleh Lembaga Kelapa Sawit Malaysia kepada peneroka-peneroka FELDA yang sudah selesai semua hutang dan mendapat hakmilik tanah mereka.

JAWAPAN: YB DATO' RAZALI BIN IBRAHIM,
TIMBALAN MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, setiap aktiviti pembelian dan penjualan Buah Tandan Segar (BTS) kelapa sawit perlu mendapatkan lesen membeli, menjual dan mengalih BTS daripada Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB). Melalui Peraturan-peraturan Lembaga Minyak Sawit Malaysia (Pelesenan) 2005, dua (2) daripada 25 kategori lesen ditetapkan iaitu estet dan pekebun kecil. Estet ialah ladang dengan keluasan melebihi 40.46 hektar (100 ekar) dan pekebun kecil pula bagi kebun kelapa sawit kurang daripada 40.46 hektar.

Melalui Mesyuarat Lembaga MPOB Bilangan 1 bertarikh 8 Mei 2000, satu persetujuan antara FELDA dan MPOB telah dibuat bahawa setiap permohonan lesen daripada peneroka FELDA untuk mendapatkan lesen bagi aktiviti menjual dan mengalih buah kelapa sawit kategori pekebun kecil hendaklah mendapat sokongan atau pengesahan pihak FELDA. Rancangan FELDA telah dilesenkan sebagai kategori estet meliputi seluruh kawasan tanaman sawit yang diperuntukkan kepada semua peneroka. Walaupun setiap peneroka sawit diperuntukkan lebih kurang 10 ekar kawasan tanaman sawit, lesen kategori pekebun kecil secara individu tidak dikeluarkan kepada peneroka FELDA kerana keluasan kebunnya telah diambil kira dalam lesen estet yang dikeluarkan kepada rancangan FELDA berasaskan kepada prinsip 'satu premis satu lesen'. Kaedah ini dilaksanakan bagi mengelak keluasan tanaman sawit yang didaftarkan berganda dan

pengendalian tanaman sawit peneroka secara keseluruhannya diuruskan oleh rancangan FELDA.

Mulai tahun 2002, FELDA telah memberi kelonggaran kepada koperasi di rancangan untuk mendapatkan lesen membeli, menjual dan mengalih BTS daripada MPOB dengan tujuan untuk menyokong koperasi rancangan agar lebih aktif. Namun begitu pada tahun 2004, pembaharuan lesen tersebut diberhentikan oleh pengurusan FELDA disebabkan sebahagian besar pemegang lesen tersebut menjadi agen kepada pembeli luar untuk membeli BTS peneroka.

Pada 5 Disember 2008, Mesyuarat Pelarasan Lesen Membeli, Menjual dan Mengalih BTS oleh Koperasi telah diadakan di Wisma FELDA dengan turut dihadiri oleh MPOB, FELDA, FELDA Palm Industries Sdn Bhd dan empat (4) Koperasi rancangan. Dalam mesyuarat tersebut dipersetujui bahawa:

- a. MPOB hanya mengeluarkan lesen kepada pengurus rancangan FELDA seperti mana **konsep satu premis satu lesen** sahaja.
- b. MPOB tidak memperbaharui lesen koperasi yang telah tamat tempoh.
- c. Koperasi rancangan dicadang menjadi agen FELDA dengan menggunakan lesen pengurus rancangan untuk mengangkut BTS peneroka ke kilang FELDA.
- d. Peneroka yang menanam semula sendiri tidak perlu untuk memohon lesen MPOB kerana kawasan kebun mereka telah terkandung dalam lesen pengurus rancangan.

Berdasarkan persetujuan dalam mesyuarat tersebut, satu pekeliling **Timbalan Pengarah Besar (Operasi) Bil. 13/2008** berkaitan **Panduan Perlaksanaan Aktiviti Belian BTS** oleh **Koperasi Rancangan** dikeluarkan pada **24 Disember 2008**.

Justeru, pengurusan FELDA membantah pengeluaran lesen oleh MPOB kepada peneroka secara individu adalah untuk mengelakkan wujudnya agen-agen pembeli luar di kalangan peneroka. Lesen ini kelak akan dimanipulasi oleh mereka yang ingin mengaut keuntungan semata-mata. Walaupun peneroka FELDA telah menerima hak milik tanah dan ladang, mereka masih lagi terikat dengan surat perjanjian yang ditandatangani dengan FELDA pada masa didaftarkan sebagai peneroka FELDA dan Surat Perjanjian Tanam Semula dan Pengurusan Kebun. Antara lain kandungan perjanjian berkenaan menyatakan bahawa peneroka hendaklah menjual buah sawit kepada kilang yang ditetapkan oleh FELDA dan menerima harga yang ditetapkan. Selain itu, peneroka juga tertakluk kepada peruntukan-peruntukan yang dinyatakan di dalam Akta Tanah (Kawasan Penempatan Berkelompok) 1960 (GSA) khususnya berkenaan perkara-perkara berhubung dengan pemilikan, pengurusan dan pembangunan tanah.

Sekian, terima kasih.